

SISTEM POLITIK DAN MASYARAKAT NEGERI PERAK SEBELUM 1874: SUATU GAMBARAN UMUM*

oleh:

NORBI HUSIN

Negeri Perak berasal daripada nama Sungai Perak. Ia meliputi kebanyakan daripada limungan sungai itu, naik pada satu tempat ke selatan sedikit daripada garisan lintang 6° utara, dan menuju keselatan memasuki Selat Melaka lebih kurang pada 4° utara. Selain itu ia memasukkan satu jaluran pantai sempit iaitu jajahan Larut Kerian yang dipisahkan daripada batasan barat lembangan sungai itu oleh sebuah banjaran bukit utara — selatan yang lebih kecil. Luas negeri ini ialah 7,980 batu persegi.¹

Sebagai sebuah negeri Melayu yang telah lama wujudnya,² sudah tentu Negeri Perak telah mempunyai satu bentuk sistem pentadbiran dan kemasyarakatan yang boleh dikatakan kukuh. Atas satu bentuk sistem pentadbiran inilah, pentadbiran Negeri Perak dijalankan tanpa soal jawab daripada rakyat mahupun pentadbir-pentadbirnya. Untuk melihat gambaran umum keadaan masyarakat dan bentuk politik Negeri ini, penulis membahagikan penulis ini kepada dua bahagian: a) gambaran sistem politiknya sebelum 1874 dan b) keadaan masyarakatnya, sebelum 1874.

Gambaran Sistem Politik Negeri Perak

Organisasi politik Negeri Perak terbahagi kepada tiga bahagian. Unit politik yang terbesar sekali ialah *negeri*, kemudian *jajahan* atau *daerah* yang terkecil sekali ialah *kampung*. Manakala, pemimpinnya pula, Sultan merupakan ketua kepada unit politik yang terbesar, Pembesar-pembesar merupakan ketua bagi unit politik yang kedua, dan Ketua-ketua Kampung merupakan ketua bagi unit politik yang ketiga. Jadi ini bermakna, Sultan merupakan ketua atau *Yang Di Pertuan* kepada Negeri ini keseluruhannya.³

Lazimnya *jajahan* atau *daerah* akan dibentuk oleh penggunaan sungai-sungai sebagai alat perhubungan. Biasanya ia merupakan satu lembah sisi atau satu lembah yang luas dari sungai yang besar di Negeri ini.⁴ *Kampung* pula adalah

* Makalah ini telah diambil dari tisis yang bertajuk "Sejarah Sultan Abdullah Muhammad Shah Ibn Almarhum Sultan Jaafar Muazam Shah Perak (1874-1878)," dan telah disesuaikan untuk diterbitkan didalam jurnal ini — Pengarang

¹ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat*, (trj.), DBP, Kuala Lumpur, 1970, h. 5.

² Sejarah awal Mengenai Negeri Perak, boleh dilihat, Haji Buyung Adil, *Sejarah Perak*, DBP, Kuala Lumpur, 1972, h. 1-8.

³ Di sini penulis membedakan makna *Yang Di Pertuan* dengan Sultan sebagai berikut. *Yang Di Pertuan* ialah satu jawatan sebagai teraju kepada pemerintah negeri, sementara Sultan ialah gelaran kepada pemerintah itu.

⁴ J.M. Gullick, *op. cit.*, h. 154.

merupakan unit-unit kecil didalam jajahan, dan *Negeri*⁵ adalah rangkuman dari semua jajahan-jajahan ini. Biasanya seseorang Sultan bila memerintah akan mendirikan kerajaan dimuara-muara sungai dan kuasanya terhad dibahagian itu. Kawasan-kawasan yang jauh kedarat akan dikuasai oleh pembesar-pembesarnya. Hal ini ada di gambarkan oleh Chan Yoke Heng sebagai berikut:

*The form of Government was the river government, with the Sultan establishing himself at the mouth of the main river. . . . further up the river was sliced up into spheres of influence whereby local chiefs similarly exacted such revenue. . .*⁶

Walaupun Sultan selaku ketua kepada unit politik yang terbesar tapi baginda tidaklah mempunyai banyak kuasa. Mengikut J.M. Gullick,

Seseorang Sultan itu tidak mendukung sebarang pemusatan kewibawaan pentadbiran yang luar biasa di kebanyakan negeri-negeri dalam abad kesembilan belas. Pembesar-pembesar yang kuat boleh dan selalu mencemoahkan kehendaknya tanpa kena sesuatu hukuman. Kebanyakan daripada mereka lebih kaya daripada Sultan. .⁷

Kekuasaan politik sebenarnya, adalah dipegang oleh pembesar-pembesar. Kehidupan Sultan dan kedudukannya lebih banyak bergantung kepada pembesar-pembesar kerana ditangan merekalah, kedudukan seseorang Sultan itu dapat dijamin. Pembesar-pembesar berkuasa memilih bakal-bakal Sultan dan berkuasa menjatuhkan seseorang Sultan yang tidak digemari. Ini bermakna seseorang calon yang hendak menjadi Sultan hendaklah terlebih dahulu berjaya memikat hati pembesarnya. Dalilnya, Raja Yusof pernah gagal menjadi Sultan Perak pada 1874 kerana beliau tidak dapat sukungan daripada pembesar-pembesar Perak.

Bagi pembesar-pembesar pula, mereka terdiri daripada beberapa tingkat atau lapisan. Lapisan yang diatas sekali ialah digelar Orang Besar Empat dalam mana jawatan-jawatan ini terdiri daripada,

- i) Bendahara
- ii) Orang Kaya Besar
- iii) Temenggung
- iv) Menteri

Diakhir abad 18, jawatan Bendahara ini telah dijadikan satu jawatan diRaja iaitu dalam tingkat ketiga selepas Raja Muda; dengan gelaran Sultan Wazirul Kabir.

⁵ Perkataan *Negeri* ini mengikut J.M. Gullick, *Ibid.*, h. 23, ia digunakan sebagai kata awalan penjenis. Misalnya, Negeri Perak, Negeri Selangor dan lain-lain. Makna asal Negeri ialah Bandaraya. Menjelang abad ke 19, perkataan ini menunjukkan satu keluasan sesebuah kawasan dibawah seorang pemerintah yang merdeka.

⁶ Chan Yoke Heng, *The Perak Sultanate: Its Role and Function 1850-1895*, Univ. Malaya, 1969/1970 p. 3.

⁷ J.M. Gullick, *op. cit.*, h. 71. Keterangan lanjut lihat, Dato' Mohd. Ramly Abdullah, 'Adat Lembaga Orang Melayu di dalam Negeri Perak Dharul Riduan daripada zaman purbakala,' (Jawi), 1935, h. 4-6.

Keempat-empat orang ini merupakan orang kanan didalam pentadbiran Negeri. Mereka tidak saja berkuasa didaerah masing-masing tetapi juga didalam pentadbiran Negeri. Misalnya, Bendahara adalah merupakan wazir yang besar dibawah tahta kerajaan, dan menjadi kapit kepada Raja Muda dan Sultan dalam menjalankan pentadbiran Negeri. Ia juga akan menjadi Pemangku Sultan apabila seseorang Sultan mangkat dan beliaulah yang bertugas melantik Sultan baru. Orang Kaya Besar pula bertugas sebagai Bendahara kepada Sultan dan menyelenggarakan istana raja. Beliau akan menerima segala surat-surat yang datang kepada Sultan dan akan membalas pula sebagai wakil baginda. Temenggung pula menjadi Ketua Mukim Kota Lama, dan berhak mentadbirkan mukim itu. Sementara Menteri pula berkuasa penuh di Larut.

Dibawah Orang Besar Empat terdapat pula Orang Besar Lapan. Mereka-mereka ini terdiri daripada,

1. Jawatan Maharaja Lela, selalunya jawatan ini dipegang oleh pembesar dari daerah Pasir Salak, satu kawasan yang terletak di tengah-tengah antara kawasan Hulu dan Hilir Perak, dan beliau berkuasa penuh di kasawasan itu.
2. Laksamana, satu jawatan yang dipegang oleh pembesar dari daerah Durian Sebatang dan berkuasa didaerah itu.
3. Seri Adika Di Raja pembesar yang memegang gelaran ini akan menguasai daerah Hulu Perak.
4. Syahbandar, satu jawatan yang akan diberi kuasa dikawasan Bandar, iaitu terletak dimuara Sungai Perak. Sampai kepada satu peringkat, Bandar telah merupakan pekan Di Raja di Hilir Perak dan Dato' Syahbandar akan membantu Sultan dalam pemungutan hasil-hasil Di Raja.
5. Panglima Kinta, berkuasa dibahagian tengah timor Negeri itu.
6. Panglima Bukit Gantang, berkuasa dikawasan Bukit Gantang.
7. Seri Akar Di Raja atau Dato' Sagor. berkuasa dikawasan Kampung Gajah.
8. Imam Paduka Tuan.

Selain kedua tingkat ini terdapat lagi Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua, tetapi jawatan-jawatan ini hanya jelas muncul pada awal abad kedua puluh. Namun begitu jawatan ini mungkin telah ada sebelumnya lagi kerana kita dapati masyarakat Melayu tradisi selain mempunyai pembesar-pembesar dari raja-raja yang dianggap sebagai pemegang teraju pimpinan Negeri, mereka juga mempunyai sistem berketua dan berpenghulu. Mengikut R.O. Winstedt, pembesar-pembesar ini kebanyakannya mendapat gelaran daripada mereka yang berkaitan dengan kerabat Orang Besar Empat dan Orang Besar Lapan, yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri.⁸

Diantara gulungan Pembesar dan Sultan pula terdapat gulungan kerabat DiRaja yang digelar sebagai *waris negeri*. Dalam tingkat ini Raja Muda merupakan jawatan yang paling kanan sekali. Jika Sultan tiada beliaulah yang berhak menjadi Sultan kelak. Dibawah Raja Muda terdapat pula Raja DiHilir, dan kemudian di ikuti oleh gelaran-gelaran lain lagi.⁹

⁸ R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson, "A History of Perak", dalam *JMBRAS*, Vol. XII, pt. 1, Jun 1934, p. 145.

⁹ Keterangan lanjut mengenai waris-waris negeri dan jawatan masing-masing lihat, Dato' Mohd. Ramly Abdullah, *op. cit.*, h. 6-8.

Kesemua pembesar-pembesar ini akan dilantik oleh Sultan. Jadi ini bermakna terdapatnya hubungan dua hala. kerana pembesar pembesar negeri di lantik oleh Sultan sementara Sultan pula dilantik oleh mereka, tetapi ini tidaklah bermakna Sultan mempunyai kuasa keatas mereka. Lazimnya pembesar-pembesar dilantik daripada satu keturunan yang mempunyai hubungan yang lama dengan jajahan itu, atau yang banyak mempunyai jasa dengan satu-satu kawasan itu ataupun ada juga pembesar-pembesar yang diambil daripada keturunan Di Raja yang tidak ada lagi harapan untuk menjadi calun menaiki tahta kerajaan.¹⁰ Apabila mereka dilantik, dengan sendirinya mereka mempunyai kuasa untuk menguruskan pentadbiran tempatan, keadilan, pertahanan, memungut hasil-hasil di jajahan masing-masing dan memberi pimpinan umum. Mereka juga mempunyai tugas-tugas istiadat dan akan dibantu oleh beberapa orang timbalan yang pada umumnya terdiri daripada sanak saudara mereka yang rapat.

Selalunya, kewibawaan yang diberikan kepada mereka ini, dilakukan melalui sepucuk *surat kuasa atau tauliah*. Surat-surat kuasa ini pula tidak pula mempunyai satu bentuk yang tetap. Satu daripada contoh surat kuasa ini ialah yang diberi oleh Sultan Jaafar Mauzam Shah yang memerintah Perak dari 1857-1865 kepada Cik Long Jaafar. Surat kuasa ini telah ditandatangani oleh Raja Muda Ali, Temenggong, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Panglima Kinta, Syahbandar dan Seri Adika Raja. Kandungan surat itu berbunyi seperti berikut,

Cik Long Jaafar telah membuka sebuah daripada jajahan Negeri Perak yang dinamakan Larut dan segala sungai-sungainya telah dijadikan lombong bijih timah. Segala pekerjaan ini telah dibuat dengan usaha-usaha dan belanjanya sendiri. Oleh itu dengan sukacitanya beta telah menyerahkan jajahan Larut kepadanya dan anak cucunya boleh menerima jajahan itu seperti hak miliknya..... Apa yang tertulis didalam surat ini tidak boleh diubah oleh sesiapa pun.¹¹

Selalunya apabila seseorang itu telah dilantik, sebagai balasannya Sultan boleh meminta habuan daripada hasil-hasil daerah itu. Tetapi walau bagaimanapun, ada juga dikatakan pembesar-pembesar yang memegang jawatan, tanpa mendapat kewibawaan daripada Sultan.

Seseorang pembesar biasanya terdiri daripada seorang anak lelaki dan selalunya berhubung rapat dengan pembesar-pembesar yang terdahulu. Mereka ini akan mempertahankan daerah masing-masing dengan kekuatannya sendiri tanpa sebarang sokongan atau bantuan daripada mana-mana pihak, maupun Sultan. Kekuatan mereka ini pula terletak pada jumlah pengikut-pengikutnya. Sultan tidak cukup kuat untuk mengawal pembesar-pembesar ini, malah sebenarnya terlalu lemah didalam politik negeri. Jika terdapat penyerang-penyerang daripada luar, pembesar-pembesar akan membantu melawannya melalui orang-orang mereka, dan dalam hal ini, panglima-panglima akan memberikan sokongan kuat kepada baginda.¹²

Dalam menjalankan tindakan atau tugas hariannya, baginda akan melantik

¹⁰ Maksudnya, mereka yang telah tidak terpilih untuk menjadi Sultan ataupun yang telah tersingkir daripada jawatan Sultan, kerana tidak mendapat sokongan, atau telah tua atau pun kerana masih ramai lagi waris yang lebih kanan dari mereka.

¹¹ Khalib bin Ismail, "Bukit Gantang Di Bawah Pemerintahan Tengku Menteri," dalam, *Malaya in History*, Jld. 16, Bah. 1 (June, 1973), h., 22.

¹² Chan Yoke Heng, *op. cit.*, h. 3.

satu kumpulan penasihat yang tidak resmi untuk mendapat satu keputusan atau fikiran. Penasihat-penasihat ini terdiri daripada anggota lelaki ketua DiRaja yang rapat dengan susun waris negeri dan juga daripada pembesar-pembesar tingkat pertama atau kadangkala tingkat kedua; tetapi pada praktiknya Sultan jarang sekali menemui penasihat-penasihat ini kerana sering berlaku selisih faham. Walau bagaimanapun jika perhubungan mereka baik, penasihat-penasihat ini boleh mempengaruhi baginda. Oleh kerana ini kita dapati kadangkala pentadbiran seseorang Sultan itu terlalu lemah dan tidak teratur. Ini disebabkan ada penasihat-penasihat baginda yang terdiri daripada pembesar-pembesar yang buruk peribadinya dan lemah fikirannya; dan kadangkala penasihat-penasihat ini akan menggunakan Sultan itu untuk kepentingannya. Misalnya, dimasa pemerintahan Sultan Ismail Muabidin Shah pada 1871-1874, Menteri Ngah Ibrahim merupakan orang kanan kepada beliau dan banyak mempengaruhi baginda kerana baginda telah tua, lemah dan tidak tahu membaca serta menulis.

Jika seseorang Sultan mahu membuat satu keputusan, baginda harus terlebih dahulu mendapatkan akuan atau izin daripada para pembesarnya. Contohnya bila mahu membuat satu-satu perjanjian memberi kuasa dan sebagainya; tandatangan pembesar-pembesar adalah diperlukan. Misalnya, dimasa hendak menandatangani Perjanjian Pangkor pada 20 Jan. 1874, beberapa orang daripada pembesar-pembesar telah enggan menandatangani, tetapi akhirnya setelah dipujuk oleh Gabnor Sir Andrew Clarke baharulah mereka menurunkan tandatangan, dan baharulah perjanjian ini disahkan. Tetapi walau bagaimanapun jika sekiranya pembesar-pembesar yang tidak menandatangani satu-satu perjanjian itu tidak berapa penting jika dibandingkan dengan pembesar-pembesar yang menandatangani, maka perkara ini tidaklah menjadi satu masalah, seperti kata Chan Yoke Heng,

*Their chops or seals were indications of their assent but such a decision taken was not binding on those whose signatures or chops were not there.*¹³

Menyentuh soal corak pentadbiran yang dijalankan oleh pembesar-pembesar, kita dapati tidak ada satu penyelarasan pentadbiran disemua jajahan. Masing-masing pembesar mempunyai kuasa penuh dalam mencorakkan pentadbiran di-jajahan mereka, seperti menjatuhkan hukuman, mengenakan cukai, dan sebagainya. Muhammad Ibrahim Munsyi dalam hal ini telah menjelaskan,

Adapun orang-orang besar yang tersebut itu semuanya ada anak-anak buah masing-masing dan hukum-hukumnya masing-masing dan masing-masing itu menaklukkan anak buahnya sendiri, tidak boleh bercampur perintah satu sama yang lain.¹⁴

Dilihat daripada segi kedudukan ekonomi, boleh dikatakan kebanyakan daripada pembesar-pembesar ini kaya-raya sekiranya kawasan yang ditadbirkan itu kaya dengan hasil buminya. Contohnya, Menteri Ngah Ibrahim, yang berkuasa penuh dikawasan Larut yang kaya dengan bijih itu merupakan pembesar yang terkaya sekali. Ia mempunyai sebuah rumah berbentuk Eropah yang besar di Larut, sebuah lagi di Pulau Pinang, mempunyai beberapa buah kapal api sendiri

¹³ Chan Yoke Heng, *The Perak Sultanate: Its Role and Functions 1850-1895*, h. 3.

¹⁴ Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, Johore (Jawi) 1956, h. 74.

dan juga mempunyai satu pasukan polis yang teratur.¹⁵

Tiap-tiap orang pembesar-pembesar mempunyai punca pendapatan mereka sendiri. Bendahara misalnya mendapat hasil-hasil daripada Kuala Kinta dan juga hasil-hasil yang digelar 'Beman Kalur'.¹⁶ Temenggung pula mendapat hasil daripada monopoli jualan garam dan atap, Orang Kaya Besar mendapat hasil-hasil daripada kawasan Pacat dan juga mendapat sagu hati daripada Sultan kerana kerjanya kepada Sultan, dan Raja Muda mendapat pendapatan daripada segala hasil-hasil daripada tong pajak judi dan pajak candu.¹⁷ Begitu juga dengan pembesar-pembesar lain, mereka semua mendapat hasil daripada kawasan-kawasan mereka.

Bagi pihak Sultan pula, pendapatannya yang utama datang daripada cukai-cukai impot dan eksport di Kuala Perak.¹⁸ Pemungutan hasil-hasil ini dijalankan oleh pembesar-pembesarnya seperti Syahbandar, kerana baginda sendiri tidak dapat mengutipnya akibat sistem perhubungan yang buruk dan mempunyai kurang pengetahuan ilmu alam mengenai keluasan daerahnya sendiri.¹⁹ Oleh kerana itu kadangkala pembesar-pembesar ini tidak menjalankan tugas dengan betul dan telah mengambil wang kutipan itu. Sultan tidak dapat mengawal keadaan ini akibat tidak ada satu undang-undang yang tetap dan teratur di negeri itu.

Sultan Sebagai Pemimpin Rakyat

Walaupun didapati kedudukan Sultan begitu lemah dalam sistem politik, Perak, ini tidaklah bermakna ia tidak mempunyai satu-satu fungsipun. Sebenarnya dalam pentadbiran Negeri itu, Sultan merupakan ketuanya yang tertinggi sekali, dianggap berdaulat, dan harus dihormati. Baginda dianggap sebagai pemimpin kepada keseluruhan rakyat di Perak dari segi kebudayaan dan ugama, serta juga bertanggungjawab untuk meluaskan pengaruh dalam ekonomi dan perkara-perkara keadilan.²⁰

Bagi pembesar-pembesar negeri, walaupun mereka berkuasa penuh dikawasan masing-masing tetapi ini tidak bermakna mereka tidak mahu satu keadaan yang

¹⁵ C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Ke 19: Asal Usul Penguasaan Politik*, (terj.) DBP, Kuala Lumpur, 1970, h. 67.

¹⁶ Biasanya cukai-cukai yang terdapat di Kuala Kinta ini ialah Getah, \$1.00 bagi tiap-tiap sepikul, kulit-kulit haiwan \$12½ sen bagi tiap-tiap sepikul, bijih timah \$4 bagi tiap-tiap sebahara, beras \$16.00 bagi tiap-tiap sekoyan, tembakau \$2.00 bagi tiap-tiap sepikul, candu \$4.00 tiap sepeti dan minyak 10% bagi tiap-tiap satu jenis. Lihat R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press. London, 1971, p. 133. Disamping itu, tiap-tiap satu tahun Bendahara akan menghantar 'Orang Kalur' melawat kampung-kampung untuk memungut cukai sebanyak 50 sen bagi tiap-tiap satu keluarga sebagai tanda yang beliau berkuasa. Hasil daripada inilah dinamakan "Beman Kalur". Keterangan lanjut lihat, R.J. Wilkinson, *Ibid.*, h. 136.

¹⁷ Dato' Mohd. Ramly Abdullah, *op. cit.*, h. 6.

¹⁸ Biasanya cukai yang terdapat di Kuala Perak terdiri daripada Beras \$4.00 bagi tiap-tiap sekoyan, garam \$16.00 juga tiap-tiap sekoyan, candu \$50.00 tiap-tiap satu peti, tembakau jawa \$2.00 tiap-tiap sepikul, tembakau China \$1.50 tiap-tiap sekotak, bijih \$16.00 tiap-tiap sebahara, rotan \$2.00 tiap seratus ikatan, kulit-kulit haiwan \$1.25 sen tiap-tiap sepikul, getah \$3.00 bagi tiap-tiap sepikul, ikan bergaram dan minyak dikenakan 10% bagi tiap-tiap satu jenis. Lihat R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, p. 133.

¹⁹ Chan Yoke-Heng, *op. cit.*, p. 5.

²⁰ *Ibid.*, p. 4.

tenang dan aman bagi seluruh negeri itu; kerana dengan keadaan yang aman dan bersatu padu sahaja, baharu perkara-perkara penting seperti perdagangan dan pertahanan dinegeri itu dapat dicapai. Oleh itu, untuk mendapat perpaduan ini mereka telah menerima konsep kesultanan, walaupun pada hakikatnya Sultan tidak mempunyai kuasa penuh; seperti kata J.M. Gullick,

Kesultanan itu diterima, biarpun bukan seperti Sultan tetapi sebagai Ketua Negara yang rasmi. Pembesar-pembesar bergaduh dan menjalankan helah tipu daya untuk meletakkan seseorang yang akan menuntut singgahsana kerajaan, sebaliknya mengangkat yang seorang lagi tetapi tidak mahu memusnahkan kesultanan itu sendiri. Mereka tidak nampak satu sistem yang lain selain dari sebuah kerajaan, dan Negeri mempunyai Sultan.²¹

Oleh kerana kedudukan Sultan dianggap boleh menyatu-padukan rakyat, maka disini sultan dianggap sebagai lambang kepada perpaduan negeri ini, dan baginda telah dianggap mempunyai sakti dan bersifat kekeramatan pada dirinya, dan dipercayai mempunyai darah putih.²² Kerana kekeramatan dan kesaktian ini rakyat menumpahkan taat setia kepada baginda.

Untuk membezakan antara Sultan dan rakyat biasa, berbagai keistimewaan telah diberikan kepadanya dan kepada kerabatnya. Misalnya Sultan mempunyai warna baju yang khas iaitu warna putih atau kuning muda, dan warna pakaian ini dilarang dipakai oleh orang lain. Selain itu baginda juga menggunakan "bahasa dalam" sebagai bahasa pertuturan harian dan tempat penginapannya digelar 'istana'. Baginda juga mempunyai alat-alat bunyi-bunyian tertentu dan jenis-jenis senjata yang tertentu. Baginda juga dikatakan akan mendapat buah-buahan yang tertentu, binatang-binatang tertentu dan manusia-manusia yang tertentu daripada rakyat.²³

Sistem Menaiki Tahta Kerajaan Perak

Mengikut sistem politik Negeri Perak, apabila seseorang Sultan mangkat, seorang Sultan baharu akan dilantik secepat mungkin sebelum jenazah baginda dikedumikan. Secara adatnya, orang yang layak dilantik ketika ini ialah Raja Muda, tempat Raja Muda diganti pula oleh Bendahara dan tempat Bendahara pula diduduki oleh Raja DiHilir, Putera almarhum Sultan akan di lantik menjadi Raja di Hilir dan keadaan seterusnya berlaku berulang-ulang.²⁴ Tujuannya agar Sultan yang akan dilantik kelak mempunyai pengalaman yang luas dalam

²¹ J.M. Gullick, *op. cit.*, h. 72.

²² Anggapan-anggapan ini adalah bertujuan untuk mengagung-agungkan seseorang Sultan, supaya sekalian rakyat akan menumpukan taat setia kepadanya.

²³ Keterangan dari Encik Abdullah Sani, Kampung Sayong Tambang, pada 10.8.74.

²⁴ Bagi setengah-setengah penulis mengatakan apabila seseorang Sultan mangkat, Raja Muda akan menggantikannya, tempat Raja Muda akan dimasuki oleh Raja Bendahara dan tempat Bendahara pula akan terus dimasuki oleh putera kepada almarhum. Jadi disini terdapat sedikit perbezaan dengan keterangan diatas. Tetapi harus di ingat diakhir abad 18 kita dapati jawatan Bendahara telah dijadikan jawatan DiRaja, iaitu dalam tingkat ketiga mengikut susunan waris negeri. Jadi ini menunjukkan sistem yang diterangkan di atas ialah sistem sebelum akhir abad 18; kerana selepas dari tarikh ini putera almarhum yang mangkat akan diletakkan terus kejawatan Bendahara tidak payah terlehid dahulu masuk kejawatan Raja Di Hilir.

bidang politik. Peraturan memilih bakal-bakal Sultan pula berdasarkan kepada beberapa hal, iaitu,²⁵

1. Mestilah dipilih daripada waris negeri yang berhak keatas kerajaan Perak, baik budi bicara dan mendapat sokongan daripada para pembesar-pembesar.
2. Pilihan ini mestilah mengandungi tiga putera almarhum dan yang keempatnya berbalik kepada putera almarhum Sultan yang sedang memerintah: contoh yang diberi ialah,
 - a) Sultan yang memerintah sekarang ialah putera almarhum nombor satu.
 - b) Raja Muda diambil daripada putera almarhum nombor dua.
 - c) Raja Bendahara diambil daripada putera almarhum nombor tiga.
 - d) Putera Sultan yang sedang memerintah akan menduduki tempat Raja DiHilir.

Walaupun sistem politik Perak mensyaratkan demikian, namun itu tidaklah merupakan sesuatu yang mutlak atau tidak boleh diubah. Dalam hal ini pembesar pembesar akan memainkan peranannya dalam memilih calon-calon raja yang hendak dilantik.²⁶ Akibatnya tentu sekali sistem politik Perak sentiasa didalam kacau bilau, kerana tidak menjadi mustahil sekiranya calon-calon yang akan menjadi Sultan tapi tidak mendapat tempat kerana pembesar mengeneplikannya, telah berusaha mendapatkan jawatannya semula. Akibatnya, berlaku perebutan kuasa dikalangan pentadbir-pentadbir, dan ini kemudiannya berlanjutan sehingga 1874.

Apabila seseorang calon telah mendapat sokongan kuat daripada pembesar-pembesar untuk menjadi Sultan, Bendahara yang ketika itu menjadi pemangku Sultan akan menjemput Raja Muda keistiadat pertabalan itu. Baginda akan dijemput dengan penuh adat istiadat seperti membawa payung kuning sebagai tanda penghormatan. Selalunya rombongan yang datang menjemput ini diketuai oleh Bendahara sendiri dan ia dilakukan selepas tujuh hari selepas almarhum mangkat. R.O. Winstedt dalam menerangkan hal ini telah menulis,

Apabila seorang Sultan mangkat, pada ketika itu juga Bendahara akan mengambil alat-alat kerajaan dan menjadi pemangku. Selepas tujuh hari beliau akan menjemput Raja Muda keistana Sultan untuk menerima alat-alat kerajaan dan untuk ditabalkan. Segala perbelanjaan pertabalan ditanggung oleh Bendahara.²⁷

Selain itu Bendahara juga bertanggungjawab menjemput pembesar-pembesar lain diupacara pertabalan itu, kemudian akan pula mengiringi bakal Sultan itu menaiki tahta kerajaan dan sebagai membalasnya Sultan akan melantik pula Bendahara menjadi Raja Muda.²⁸

Apa yang menarik didalam istiadat pertabalan ini ialah, istiadat ini harus mengikut syarat-syarat tertentu yang telah dilakukan sejak zaman tradisi lagi. Antara peraturan-peraturan yang diwajibkan didalam istiadat ini ialah, segala alat-alat

²⁵ Keterangan dipetik daripada Risalah 'Adat Lembaga Negeri Perak' yang dipinjam dari Orang Besar Jajahan Parit, Perak. Beliau ditemui oleh penulis di Double Lian Hotel, Kuala Kangsar Perak, pada 13.8.1974.

²⁶ Peranan-peranan pembesar ini jelas dapat dilihat ketika Sultan Ali mangkat pada 1871.

²⁷ R.O. Winstedt dari R.J. Wilkinson, "A History of Perak" dalam *JMBRAS*, Vol. XII, Pt. 1, June 1934, h. 134.

²⁸ R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, p. 134.

kerajaan Negeri,²⁹ haruslah diserahkan kepada seorang bakal Sultan supaya menjadi Sultan yang sah dan dianggap sebagai pemimpin rakyat yang sebenarnya. Baginda juga harus melalui dua kali pertabalan yang dinamakan tabal adat dan tabal jin.³⁰

Selepas selesai istiadat pertabalan itu dilakukan, sebuah istana akan dibina sebagai tempat penginapan baginda. Selalunya tempat yang dipilih untuk dibuat istana tidaklah serupa. Contohnya, dimana Sultan Ali memerintah Perak dari 1865-1871, baginda telah membuat kediamannya di Sayong, sementara dimasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) pula telah membuat kediaman di Pulau Chempaka Sari yang kemudiannya telah diubah nama menjadi Pulau Indera Sakti. Tetapi walaupun begitu pada peraktiknya terdapat beberapa orang Sultan yang tidak dapat menguasai sumber-sumber yang diperlukan untuk membina sebuah istana, walaupun yang sederhana besarnya. Contohnya, Sultan Ali tadi. Didalam masa pemerintahan, beliau telah menetap beberapa lama disebuah rumah seorang penibesar daerah.³¹

Keadaan Masyarakat Perak Sebelum 1874

Masyarakat Perak merupakan masyarakat feudal yang terdiri dari dua bahagian yang jelas iaitu,

- a) Gulungan pemerintah
- b) Gulungan yang kena perintah

Gulungan yang dimasukkan kedalam peringkat pertama terdiri daripada Sultan, pembesar-pembesar dan kerabat-kerabat DiRaja. Sementara gulungan yang kedua ini terbagi pula kepada beberapa bahagian. Mengikut Abdul Halil Mutalib, gulungan ini terdiri daripada;

- a) Gulungan bangsawan iaitu terdiri daripada raja-raja, anak-anak raja yang tidak mempunyai kewibawaan dan kaum bangsawan Melayu.
- b) Gulungan pertengahan, terdiri daripada orang-orang cerdik pandai, saudagar saudagar dan juga orang-orang yang terkenal dalam bahagian-bahagian ugama seperti alim ulama dan imam-imam.
- c) Gulungan diwek-diwek, terdiri daripada rakyat jelata yang miskin dan lemah.
- d) Gulungan hamba abdi.³²

Penulis tidak akan membincangkan kedudukan gulungan yang pertama ini kerana secara umum telahpun disentuh tadi. Sementara didalam bahagian kedua penulis hanya cuba memberi gambaran keadaan diwek-diwek dan gulungan hamba sahaja, kerana gulungan ini merupakan gulungan majoritinya.

Bagi Gulungan diwek-diwek, kebanyakan daripada mereka terdiri daripada orang Melayu jati atau tempatan. Namun begitu terdapat juga gulungan lain yang datang dan tinggal di Perak, seperti Minangkabau yang datang daripada

²⁹ Keterangan lanjut tentang alat-alat kerajaan dan istiadat pertabalan lihat, Dato' Mohd. Ramly Abdullah, *op. cit.*, h. 13-16.

³⁰ *Ibid.*

³¹ C.D. Cowan, "Sir Frank Swettenham's Perak Journals, 1874-1876an" dalam *JMBRAS*, Vol. 24, Pt. p. 49.

³² Abdul Halil Mutalib, "Sistem Sosial Masyarakat Melayu Perak Di Pertengahan Abad ke 19 (1840-1870)," Univ. Malaya, 1970/71, h. 12.

Sumatra, orang-orang Bugis daripada Sulawesi, Orang Kerinci, Orang Rawa, Orang Mandaling dan Orang Batak daripada Sumatra.³³ Selain itu terdapat juga sedikit-sedikit orang Eropah dan orang-orang Cina.³⁴

Ditinjau dari segi tempat kediaman pula, kebanyakan diwek-diwek ini tinggal dan membuat pertempatan ditepi-tepi sungai dan dimuara-muara sungai. Boleh dikatakan rumah-rumah mereka akan kelihatan berkelompok ditepi-tepi sungai. Keadaan ini ujud kerana sungai merupakan jalan perhubungan yang utama dimasa itu, dan juga melalui sungailah perhubungan diantara satu tempat dengan yang lain lebih mudah dilakukan. Untuk membawa hasil-hasil tanaman mereka juga mudah jika sekiranya rumah-rumah mereka dekat dengan sungai. Selain itu sungai juga merupakan tempat bekalan air kepada penduduk-penduduk disini dan digunakan sebagai tempat mandi dan membasuh pakaian. Mereka juga gemar tinggal ditepi-tepi sungai kerana tanah-tanah disini subur untuk bertanam padi dan jenis-jenis tanaman lain.³⁵ Selain itu, mereka mahu mengelakan dari cukai yang berlebihan kerana semakin jauh kedarat mereka membuat tempat-tempat kediaman, semakin kerap melalui tempat-tempat cukai.

Boleh dikatakan masyarakat Perak waktu ini, hanya masyarakat Melayu, merupakan masyarakat tani. Tanaman utama yang mereka kerjakan ialah padi. Selain itu terdapat juga tanaman-tanaman lain seperti kopi, tembakau, sagu, pisang, jagung, tebu, ubi kayu, lada hitam dan gambir.³⁶ Pokok buah-buahan juga ada ditanam untuk kegunaan sendiri seperti kelapa, durian, manggis, langsung dan lain-lain. Disamping itu terdapat juga pokok-pokok pinang, kabung, nibung dan nipah yang dikatakan mempunyai nilai-nilai perniagaan.³⁷ Kebanyakan daripada tanaman-tanaman ini adalah untuk kegunaan sendiri, tetapi jika lebih, ia akan dijual untuk mendapatkan wang membeli barang-barang yang tidak boleh mereka keluarkan seperti kain baju.

Selain bercucuk tanam, mereka juga menjalankan pekerjaan-pekerjaan lain seperti menangkap ikan yang selalu dijalankan disungai-sungai, sawah-sawah padi dan paya-paya. Mereka juga mengeluarkan barang-barang dari hutan untuk kegunaan sendiri dan juga dipasarkan tempatan seperti rotan, damar, kayu-kayan, getah perca dan buluh. Mereka juga menternak binatang seperti kerbau, ayam dan itek, disamping menjual kayu-kayan dan logam untuk dijadikan perhiasan dirumah. Menurut Khoo Kay Kim, Perak diabad kesembilan belas terkenal dengan eksport rotan, lilin, kayu balak, gading, tanduk-tanduk dan kayu-kayan

³³ J.F.A. Mc Nair, *Perak and the Malays*, Oxford Univ. Press, Kuala Lumpur, 1972, p. 130.

³⁴ Orang-orang Eropah ini kebanyakan menjadi saudagar-saudagar dan peniaga, sementara golongan kaum China sebelum tahun 1840an, tidak begitu ramai di Perak. Hanya selepas Cik Long Jaafar memajukan perlombongan di Larut, orang China telah ramai masuk ke Perak untuk bekerja dilombong-lombong.

³⁵ Tanah-tanah di kawasan sungai selalu subur akibat sering berlakunya bandjir. Segala lanar-lanar dari perut sungai akan dibawa ketebing apabila air melimpah naik dan apabila surut kembali akan meninggalkan lanar-lanar.

³⁶ J.F.A. Mc Nair, *op. cit.*, h. 68-69.

³⁷ Isabella Bird, *The Golden Chersonese and the Way Thither*, OUP, Kuala Lumpur, 1907, h. 262.

yang wangi.³⁸

Selain pekerjaan yang disebutkan tadi, mereka juga bekerja dilombong-lombong bijih timah, tetapi oleh kerana perhatian penuh tidak diberikan kepada pekerjaan ini, maka hasilnya tidaklah menggalakkan. Selalunya pekerjaan ini akan dijalankan selepas selesai menuai padi. Alat-alat yang digunakan pula ialah alat-alat tradisi sahaja yang tentunya tidak dapat mengeluarkan hasil yang menggalakkan. Lombong-lombong yang terdapat dibahagian Hilir Perak ketika itu ialah Bidor, Batang Padang, Chendering, Kampar dan Kinta, sementara dibahagian Hulu pula ialah di Sayong dan Bakau.³⁹

Selepas tahun 1840an, pekerjaan ini telah bertukar corak. Bijih telah menjadi punca ekonomi yang utama sekali diakhir abad kesembilan belas. Kawasan Larut menjadi tumpuan kepada pelombong-pelombong Cina untuk mencari kekayaan, setelah orang pertama iaitu Cik Long Jaafar menjumpai bijih dikawasan itu pada tahun 1848. Atas daya usaha beliau kemudian, pekerjaan melombong bijih di Larut dimajukan yang akhirnya telah membawa kepada pergaduhan diantara orang-orang Cina disitu. Namun begitu orang-orang Melayu tidak terlibat dengan pekerjaan ini. Mereka tetap dengan pertanian mereka. Kalau pun ada gulungan Melayu yang menceburkan diri dalam perusahaan perlombongan itu, mereka terdiri daripada pembesar-pembesar negeri.

Memandangkan cara pekerjaan masyarakat Melayu ini (termasuk juga orang-orang pendatang), dapatlah dikatakan bentuk ekonomi mereka ialah bercorak 'ekonomi secukup hidup'. Tidak terdapat bukti-bukti yang jelas menunjukkan orang-orang ini ada menanam modal diluar daripada Negeri Perak ataupun menjadi peniaga-peniaga yang maju. Kalaupun ada mungkin perniagaan itu dijalankan secara kecil-kecilan, ini berdasarkan kepada terdapatnya orang-orang luar (Sumatra, Sulawesi dan lain-lain) menginap di Perak. Oleh kerana bentuk ekonomi yang sedemikian, tidak hairanlah kalau Negeri Perak terpaksa mengimpot padi misalnya, bila negeri ini ditimpa bencana alam.

Kelakuan pihak pembesar juga tidak menggalakkan rakyat untuk menjalankan ekonomi lebihan. Mengikut F.A. Swettenham.

Sedikit sahaja rakyat yang mengumpulkan harta, jikalau sekiranya mereka berbuat demikian seseorang raja akan merampas ataupun mewajibkan memberi pinjaman tanpa harapan untuk dibayar semula.⁴⁰

Namun begitu jika dilihat dari segi hubungan pembesar-pembesar dengan rakyat, kita dapati rakyat patuh dengan pemerintah. Ini bermakna mereka akan mengikut apa yang diarahkan oleh pembesar-pembesar keatas mereka dan meninggalkan apa-apa yang ditegahnya. Hal ini digambarkan seperti berikut:

The people had no initiative whatever they were there to do what their chiefs told them, no more, no less. They never thought whether anything was right or wrong, advantageous to them personally or otherwise, it was simply what is the Rajah's order.⁴¹

³⁸ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1837*, Oxford Univ. Press, London, 1972, h. 34.

³⁹ *Ibid.*, h. 34.

⁴⁰ *Annual Report, Perak, 1890*.

⁴¹ M.A. Malal, 'J.W.W. Birch, The Causes of his assassination,' University Singapore, 1952, p. 28. dipetik dari Sir Ernest Birch (tidak pula diterangkan bukannya).

Gulungan Hamba Abdi

Pada tahun 1874, terdapat lebih kurang 3,000 orang hamba-hamba di Perak iaitu sebanyak satu perenam belas daripada penduduk-penduduk negeri itu.⁴² Tiap-tiap seorang Sultan, atau raja ataupun pembesar masing-masing boleh dikatakan mempunyai hamba-hamba yang ramai. Hamba-hamba ini akan melayaninya dan mengikutinya kemana-mana mereka pergi. Kebanyakan daripada hamba-hamba ini akan tinggal bersama-sama tuannya ataupun berhampiran dengan tempat tuannya. Mereka ini boleh dilakukan dengan sesuka hati oleh tuannya, dan mereka boleh dibunuh sekiranya tidak patuh kepada perintah-perintah tuan mereka.

Hamba-hamba ini terdiri daripada dua gulungan.

- a) Gulungan hamba biasa
- b) Gulungan berhutang

Hamba biasa ini dibahagikan lagi kepada beberapa jenis; iaitu "hamba-hamba tawanan" yang didapati hasil daripada tahanan perang, "hamba diranggak" iaitu hamba-hamba yang ditawan secara paksa seperti orang-orang Batak dan Sakai, atau yang ditawan oleh lanun kemudian dijual sebagai hamba, "hamba-habsyi" terdiri dari orang-orang Negro yang dibeli di Mekah," "hamba-hulur" iaitu hamba-hamba yang menyerahkan diri kepada Sultan atau pembesar kerana telah melakukan kesalahan jenayah seperti membunuh dan tidak berdaya pula untuk membayar hutang darah itu, "hamba serah" ialah hamba-hamba yang menyerahkan diri kepada pembesar-pembesar untuk mendapatkan makanan dan "anak hamba" iaitu anak isteri kepada seseorang yang telah menjadi hamba.

Hamba berhutang terdiri dari beberapa jenis, iaitu "hamba-hamba hutang" iaitu hamba-hamba yang gagal membayar hutang-hutang yang telah dipinjamnya lalu menyerah diri kepada pembesar-pembesar tempatan dimana ia berhutang untuk dijadikan hamba, "hamba waris" terdiri daripada anak isteri-isteri hamba-hamba berhutang dan "hamba bayar" iaitu hamba-hamba yang dijual oleh tuannya kepada seseorang lain untuk melangsaikan hutang-hutang diantara mereka.

Untuk membezakan diantara dua gulungan hamba ini, seorang pemerhati Melayu berpendapat:

Biarpun tidak mendapat perbezaan didalam jenis kerja yang dilakukan oleh dua gulungan hamba ini untuk tuan mereka, hamba-hamba hutang ini kurang hina daripada hamba-hamba biasa, kerana hamba-hamba ini boleh mendapat kemerdekaan dengan membayar hutang mereka sedangkan hamba-hamba biasa biar dalam apa sekalipun tidak boleh mendapat semula kemerdekaan kecuali dengan sesuatu macam ampun dari tuan mereka.⁴⁴

⁴² R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, h. 97.

⁴³ Keterangan lanjut mengenai hal ini lihat, Aminuddin Baki, "Debt-Slavery In Perak", Univ. Malaya, Singapore, 1951, h. 2-4.

⁴⁴ Dato' Mahmud bin Mat, "The passing of Slavery in Pahang," *MHJ*, Pt. 1, 1954, h. 9, dan temuramah sendiri.

Walau bagaimanapun perhubungan diantara hamba-hamba dan pembesar ini tidaklah semuanya baik. Terdapat juga hamba-hamba yang cuba melepaskan diri dan mencari perlindungan lain, tetapi selalunya hamba-hamba ini akan ditangkap semula hasil daripada maklumat orang ramai. Tetapi terdapat juga hamba-hamba yang mendapat layanan baik daripada tuan-tuan mereka. Contoh-contohnya, mereka yang dianggap baik oleh tuannya tidak akan dibelenggu tetapi dijadikan sebahagian daripada ahli keluarga mereka samada melalui perkahwinan ataupun 'adoption'.⁴⁵

Bagi masyarakat Perak, mereka tidak menganggap pemakaian hamba ini sebagai sesuatu yang salah. Oleh kerana itu soal ini tidak dipersoal-jawabkan lagi, lebih-lebih lagi yang memakai hamba-hamba ini terdiri daripada golongan pemerintah. Dengan demikian, mereka akan memberi kerjasama kepada ketua-ketua untuk mencari hamba-hamba yang cuba melepaskan diri, kerana perbuatan itu amat bersalahan. Setiap orang hamba harus taat kepada tuannya, dan harus membuat sesuatu dengan keizinan tuannya. Jika mereka engkar, mereka boleh dibunuh.

Dari apa yang dijelaskan tadi, tentu kita telah mendapat satu gambaran umum mengenai sistem politik Negeri Perak dan corak kemasyarakatannya. Sistem politik Perak telah meletakkan pembesar-pembesar sebagai pemerintah sebenarnya, sementara Sultan merupakan lambang kepada perpaduan Negeri, dengan mempunyai kemuliaan yang tinggi. Rakyat pula merupakan golongan yang diperintah, senantiasa patuh kepada pihak pemerintah tanpa mempersoalkan hak-hak diri dan kewibawaan sendiri. Sistem seperti ini berjalan dengan begitu teguh sehingga tahun 1874.

⁴⁵ Abdul Halil Mutalib, "Sistem Sosial Masyarakat Melayu Perak di Pertengahan Abad ke 19 (1840-1870an)" Univ. of Malaya, 1961, h. 29.